

D. Pilih ayat atau ayat-ayat yang betul.

1. I Kita akan memulakan mesyuarat ini sebaik sahaja pengerusi tiba di bilik ini.
II Semasa kami sedang berbual-bual di ruang tamu, anaknya menghidangkan kopi.
III Jika diteliti perkara itu, ianya berpunca daripada sikap kalian sendiri.
IV Segala titah tuanku telah patik laksanakan dengan sempurna sekali.
A I dan II
B I, II dan IV
C III dan IV
D I, II, III dan IV
2. I Amirul dan Irfan berkawan baik sejak kecil tetapi mereka tidak pernah bermasam muka.
II Beliaulah yang telah mencuri alat tulis dari beg sekolah saya semalam.
III Jika ada apa-apa masalah pelajaran, datanglah berjumpa dengan kami.
IV Tanggungjawab terhadap negara sudah beliau tunaikan dengan penuh amanah.
A III sahaja
B I dan III
C II dan IV
D I, III dan IV
3. I Kesahihan berita itu dia sahkan kepada kawan-kawannya melalui telefon.
II Saya yakin dia tahu akan kebenaran cerita yang tersebar di media sosial.
III Adakah kalian akan menyertai pertandingan itu di atas pentas yang cantik ini?
IV Sampah sarap itu mereka kutip lalu dibuang ke dalam tong sampah.
A I dan IV
B I, II dan III
C II dan III
D I, II, III dan IV
4. I Saya di perantauan ini sentiasa mendoakan kesejahteraan anda sekeluarga terpelihara.
II Pasukan kami telah berjaya untuk muncul sebagai juara dalam pertandingan itu semalam.
III Beliau dikurniai pingat kebesaran sempena hari keputeraan sultan di istana.
IV Aku berharap agar kamu akan lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan itu.
A II dan III
B II, III dan IV
C II dan IV
D I, II dan III
5. I Kau tidak boleh bertindak sendirian bagi menghadapi masalah yang serius itu.
II Akan kuhadapi segala cabaran yang mendatang tanpa menoleh ke belakang lagi.
III Mohonlah perlindungan daripada-Nya agar kita selamat di dunia dan di akhirat.
IV Usahlah kaupercayai dengan kata-kata manisnya lagi kerana banyak orang sudah tertipu.
A I dan II
B I, III dan IV
C II, III dan IV
D I, II dan IV